

4156 – #`Ali bin `Abdillah (al-Madīni) meriwayatkan kepada kami, katanya:
Sufyan (bin `Uyainah) meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri

sahaja perawi. Hanya Qais bin Abi Hāzim sahaja meriwayatkannya daripada Mirdās al-Aslami. Tetapi Hafiz Jamaluddin al-Mizzi dan Hafiz adz-Dzahabi pula berpendapat, selain Qais, Ziad bin `Ilāqah juga turut meriwayatkannya daripada Mirdās. Kerana itu ia tidak boleh dikira sebagai riwayat wuḥdān. Hafizh Ibnu Hajar membantah pendapat al-Mizzi dan adz-Dzahabi itu dengan berkata, Mirdās ada dua orang di kalangan sahabat. Mirdās al-Aslami dan Mirdās bin `Urwah. Ziad bin `ilāqah hanya meriwayatkan hadits daripada Mirdās bin `Urwah. Beliau tidak meriwayatkan apa-apa daripada Mirdās al-Aslami. Oleh kerana itu, tepatlah jika dikatakan riwayat Qais bin Abi Hāzim ini sebagai riwayat wuḥdān, sebagaimana dikatakan oleh Ibnu Hibbaan, Ibnu Mandah, Ibnu Abi Haatim dan Imam Bukhari.

Para `ulama' berbeda pendapat pula tentang apakah Mirdās al-Aslami dan Mirdās bin `Urwah itu orang yang sama atau dua orang yang berlainan. Hafizh Ibnu Hajar di dalam al-Ishābah telah membincangkan tentangnya secara taḥqiq dan membuat keputusan bahawa mereka bukan orang yang sama, sebaliknya dua individu yang berlainan. Mirdās al-Aslami termasuk salah seorang sahabat yang telah berbai'ah dengan Rasulullah s.a.w. di bawah pokok di Hudaibiah. Kerana itulah Imam Bukhari mengemukakan riwayatnya di sini.

⁶⁴¹ Maksudnya ialah di sisi Allah tiada langsung nilai mereka, atau mereka langsung tidak mempunyai kedudukan di sisi Allah.

Inilah satu-satunya hadits Mirdās di dalam sahih Bukhari. Di sini ia diriwayatkan secara mauqūf daripada Mirdās. Di dalam Kitab ar-Riqāq pula ia dikemukakan secara marfū' melalui saluran riwayat Bayān daripada Qais. Ini haditsnya:

حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ حَمَّادٍ ، حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ بَيَّانٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ أَبِي حَازِمٍ عَنْ مِرْدَاسِ الْأَسْلَمِيِّ قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَذْهَبُ الصَّالِحُونَ الْأَوَّلُ فَالْأَوَّلُ وَيَبْقَى خُفَالَةُ الشَّعِيرِ أَوْ التَّمْرِ لَا يُبَالِيَهُمُ اللَّهُ بَالَةً .

Bermaksud: Orang-orang saleh generasi demi generasi akan pergi (meninggal dunia), yang akan tinggal hanyalah hampas seperti hampas barli atau tamar. Allah langsung tidak akan mempedulikan mereka.

(Muhammad bin Muslim) daripada 'Urwah (bin az-Zubair) daripada Marwan (bin al-Ĥakam) dan al-Miswar bin Makhramah, kedua mereka berkata: "Pada peristiwa Hudaibiah, Nabi s.a.w. berangkat dari Madinah bersama para sahabat yang berjumlah sekitar seribu orang lebih. Ketika sampai di Dzul Ḥulaifah, Nabi s.a.w. mengikat dan menandai haiwan qurbannya, lalu memulai ihram dari sana." Tidak terhitung berapa kali aku telah mendengarnya dari Sufyan⁶⁴² hingga akhirnya aku mendengar dia berkata: "Aku tidak hafal hadits dari az-Zuhri tentang memberi tanda dan mengikat haiwan qurban."⁶⁴³ Aku tidak pasti sama ada yang beliau (Sufyan) maksudkan adalah tempat menandai dan mengikat haiwan qurban atau redaksi hadits keseluruhannya."⁶⁴⁴

⁶⁴² Ini adalah kata-kata 'Ali bin 'Abdillah al-Madīni guru Imam Bukhari. Kata-kata ini (Tidak terhitung berapa kali aku telah mendengarnya dari Sufyan) boleh membawa dua maksud:

- (i) Banyak kali sangat aku telah mendengarnya dari Sufyan sehingga aku terlupa berapa kali sebenarnya aku telah mendengarnya.
- (ii) Al-Kirmaani berpendapat, maksud kata-kata 'Ali bin 'Abdillah al-Madīni ini ialah beliau tidak ingat berapakah bilangan sahabat yang ikut serta bersama Nabi s.a.w. dalam peristiwa Ḥudaibiah itu yang telah disebut oleh Sufyan. Para 'ulama' bagaimanapun tidak bersetuju dengan pandangan al-Kirmaani ini, kerana riwayat az-Zuhri telah dinukilkan melalui beberapa saluran dan di dalam semua saluran riwayat tersebut bilangan yang sama, iaitu بَضْعُ عَشْرَةَ مِائَةً (berjumlah sekitar seribu orang lebih). Kalau begitu bagaimana benar dikatakan 'Ali bin 'Abdillah al-Madīni tidak ingat jumlah yang disebut oleh gurunya Sufyan!

⁶⁴³ 'Ali bin 'Abdillah al-Madīni berkata, akhirnya aku mendengar guruku Sufyan berkata bahawa dia tidak hafal dari az-Zuhri tentang memberi tanda dan mengikat haiwan qurban. Ertinya rangkai kata قُلْدُ الْهَدْيِ وَأَشْعَرُ yang tersebut di dalam hadits itu aku tidak hafal dari Zuhri.

⁶⁴⁴ Kata 'Ali bin al-Madīni lagi, apa yang dikatakan oleh Sufyan bahawa beliau tidak hafal dari az-Zuhri tentang memberi tanda dan mengikat haiwan qurban itu adakah berkenaan dengan tempatnya atau rangkai kata قُلْدُ الْهَدْيِ وَأَشْعَرُ itu sendiri, aku tidak pasti. Adapun bahagian hadits yang lain, itu memanglah yang beliau hafal dari az-Zuhri. Itulah kata-kata 'Ali bin al-Madīni di sini. Di dalam saluran riwayat 'Abdullah bin Muhammad al-Ju'fi pula tersebut dengan jelas kata-kata Sufyan: حَفِظْتُ بَعْضَهُ وَتَبَيَّنَنِي مَعْمَرٌ (aku ingat sebahagian daripada apa yang diriwayatkan olehnya (az-Zuhri daripada hadits ini), sementara sebahagian yang lain pula aku diperingatkan oleh Ma'mar). Daripada kata-kata Sufyan ini dapat difahami bahawa Sufyan hanya tidak hafal dari az-Zuhri sebahagian daripada hadits sahaja, bukan semua sekali hadits itu. Riwayat

٤١٥٧- حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ خَلْفٍ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ يُونُسَ عَنْ أَبِي بَشِيرٍ وَرِزْقَاءَ عَنْ ابْنِ أَبِي نَجِيحٍ عَنْ مُجَاهِدٍ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي لَيْلَى عَنْ كَعْبِ بْنِ عُجْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَاهُ وَقَمَلُهُ يَسْقُطُ عَلَى وَجْهِهِ فَقَالَ أَيُّؤْذِيكَ هَؤُلَاءُ قَالَ نَعَمْ فَأَمَرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَخْلِقَ وَهُوَ بِالْحَدِيثِ لَمْ يُبَيِّنْ لَهُمْ أَنَّهُمْ يَجْلُونَ بِهَا وَهُمْ عَلَى ظَمْعٍ أَنْ يَدْخُلُوا مَكَّةَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ الْفِدْيَةَ فَأَمَرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُطْعِمَ فَرَقًا بَيْنَ سِتَّةٍ مَسَاكِينَ أَوْ يُهْدِيَ شَاةً أَوْ يَصُومَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ.

4157 – Al-Hasan bin Khalaf (Abu `Ali al-Wāsithi)<sup>645</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Ishaq bin Yusuf (al-Azraq al-Wāsithi) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Bisyr Warqa' (bin `Umar bin Kulaib al-Yasykuri) daripada Ibn Abi Najīh daripada Mujahid, beliau berkata: `Abdur Rahman bin Abi Laila meriwayatkan kepadaku daripada Ka'ab bin `Ujrah bahawa Rasulullah s.a.w. melihat kutu berguguran di wajahnya. Baginda s.a.w. bertanya: “Adakah kutu di kepalamu menggangu?” Jawab Ka'ab: “Ya”. Maka Nabi s.a.w. menyuruhnya supaya bercukur. Ketika itu Baginda berada di Hudaibiah dan belum menjelaskan kepada mereka bahawa mereka harus bertahallul (membuka ihram) disana, padahal mereka berhasrat dapat memasuki Makkah. Akhirnya Allah menurunkan ayat tentang fidyah.⁶⁴⁶ Selanjutnya Rasulullah s.a.w.

`Abdullah bin Muhammad al-Ju'fi daripada Sufyan menghilangkan ketidakpastian `Ali bin al-Madīni di dalam hadits riwayatnya ini.

⁶⁴⁵ Hasan bin Khalaf adalah antara guru Imam Bukhari yang termuda (صغار شيوخ البخاري). Hanya ini sahaja haditsnya di dalam Sahih Bukhari.

⁶⁴⁶ Kerana bercukur kepala disebabkan apa-apa gangguan. Ayat tentang fidyah itu ialah:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّى يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِنْ رَأْسِهِ فَفِدْيَةٌ مِنْ صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عُمْرَةٌ كَامِلَةٌ ذَلِكَ لِمَنْ لَمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٣٦﴾

Bermaksud: Dan sempurnakanlah (ibadat) Haji dan `Umrah (dengan ikhlas) kerana Allah; jika kamu terhalang dari menyempurnakannya (oleh musuh dan sebagainya ketika kamu sudah berihram), maka wajiblah kamu (bertahallul dengan) menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepalamu (untuk bertahallul) sebelum binatang korban itu sampai (dan disembelih) di tempatnya (di tempat penyembelihannya di Tanah Haram). Sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia bercukur), maka hendaklah ia membayar fidyah dengan berpuasa, atau bersedekah, atau berkorban.

memerintahkan agar Ka'ab memberi makan sebanyak satu faraq (kira-kira tiga gantang) untuk enam orang miskin atau berqurban dengan seekor kambing atau berpuasa tiga hari.”

٤١٥٨- حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ خَرَجْتُ مَعَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَى السُّوقِ فَلَحِقْتُ عُمَرَ امْرَأَةً شَابَّةً فَقَالَتْ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ هَلْكَ رَوْحِي وَتَرَكَ صَبِيَّةً صِغَارًا وَاللَّهِ مَا يُنْضِجُونَ كُرَاعًا وَلَا لَهُمْ زَرْعٌ وَلَا صَرْعٌ وَخَشِيتُ أَنْ تَأْكُلَهُمُ الضَّبُعُ وَأَنَا بِنْتُ حُقَافٍ بَنِي إِيمَاءَ الْغِفَارِيِّ وَقَدْ شَهِدَ أَبِي الْحَدِيثِيَّةَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَقَفْتُ مَعَهَا عُمَرُ وَلَمْ يَمُضْ ثُمَّ قَالَ مَرَحَبًا بِنَسَبٍ قَرِيبٍ ثُمَّ انْصَرَفَ إِلَى بَعِيرٍ ظَهِيرٍ كَانَ مَرْبُوطًا فِي الدَّارِ فَحَمَلَ عَلَيْهِ غِرَارَتَيْنِ مَلَأَهُمَا طَعَامًا وَحَمَلَ بَيْنَهُمَا نَفَقَةً وَثِيَابًا ثُمَّ نَاوَلَهَا بِخِطَامِهِ ثُمَّ قَالَ اقْتَادِيهِ فَلَنْ يَفْقَى حَتَّى يَأْتِيَكُمُ اللَّهُ بِخَيْرٍ فَقَالَ رَجُلٌ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ أَكْثَرْتَ لَهَا قَالَ عُمَرُ ثَكِلْتُكَ أُمُّكَ وَاللَّهِ إِنِّي لَأَرَى أَبَا هَذِهِ وَأَخَاهَا قَدْ حَاصَرَا حِصْنًا زَمَانًا فَأَفْتَتَحَاهُ ثُمَّ أَصْبَحْنَا نَسْتَفِيءُ سَهْمَانَهُمَا فِيهِ

4158 – Isma'il bin Abdillah (al-Uwaisi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepadaku daripada Zaid bin Aslam⁶⁴⁷ daripada Bapanya, kata beliau (bapanya): “Aku keluar bersama `Umar bin al-Khatthāb r.a. ke pasar, tiba-tiba seorang wanita muda bertemu `Umar seraya berkata: “Wahai Amir al-Mu'minin, suamiku telah meninggal dunia, dan dia meninggalkan anak-anak yang masih kecil. Demi Allah, mereka tidak dapat memasak kaki kambing pun, mereka juga tidak memiliki tanaman mahupun haiwan yang mempunyai susu.”⁶⁴⁸

Apabila telah aman, maka sesiapa yang ingin meni`mati kemudahan mengerjakan Umrah bersama Haji, (bolelah ia melakukannya dan) wajiblah ia menyembelih mana-mana binatang korban yang mudah didapati. Tetapi jika ia tidak menemukan (binatang korban atau tidak mampu), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); Itulah sepuluh (hari) yang sempurna. Hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap di (sekitar) Masjid Al-Haraam (Mekah). Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah sangat berat siksaanNya (terhadap orang-orang yang melanggar perintahNya). (al-Baqarah: 196).

⁶⁴⁷ Aslam bapa Zaid ialah hamba yang dimerdekakan oleh `Umar. Dia dibawa ke Mekah sebagai tawanan perang dari Yaman, lalu dijadikan hamba. Saiyyidina `Umar memerdekakannya setelah membelinya di Mekah pada tahun ke-11 Hijrah.

⁶⁴⁸ Inilah terjemahan yang dipilih untuk kata-kata wanita itu: وَاللَّهِ مَا يُنْضِجُونَ كُرَاعًا وَلَا لَهُمْ زَرْعٌ وَلَا صَرْعٌ. Ia menggambarkan betapa miskin dan melarat keluarganya sehingga kaki kambing yang begitu tidak berharga di kalangan mereka pun tidak dapat dimasak oleh

Aku bimbang mereka akan dimakan dhabu'.⁶⁴⁹ Aku adalah anak perempuan Khufaf bin Iymā' al-Ghifari. Bapaku telah ikut serta dalam perjanjian Hudaibiah bersama Nabi s.a.w." Maka 'Umar berdiri bersamanya dan tidak meneruskan perjalanan, kemudian beliau berkata: "Selamat datang kepada pemilik nasab yang dekat."⁶⁵⁰ Lalu beliau menghampiri unta pembawa muatan yang sedang terikat di halaman rumah dan meletakkan di atas belakangnya dua guni yang dipenuhi dengan makanan. Di antara dua guni itu diletakkan juga perbelanjaan dan pakaian yang diperlukan. Lantas 'Umar menyerahkan tali kekang unta tersebut kepada wanita tadi seraya berkata: "Tuntunlah. Sebelum ia habis, nanti Allah akan mendatangkan kebaikan (bantuan) yang lain pula kepadamu." Tiba-tiba seorang laki-laki berkata: "Wahai Amiral Mu'minin, engkau telah memberi terlalu banyak kepadanya." 'Umar berkata: "Celaka kamu, sesungguhnya aku telah melihat ayah wanita ini dan saudaranya mengepung sebuah benteng dalam waktu yang sangat lama hingga keduanya dapat mena'lukinya."⁶⁵¹ Setelah itu kami mendapatkan bahagian harta rampasan perang kerana sumbangan mereka berdua."

٤١٥٩- حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ رَافِعٍ حَدَّثَنَا شَبَابَةُ بْنُ سَوَّارٍ أَبُو عَمْرِو الْفَرَارِيُّ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ لَقَدْ رَأَيْتُ الشَّجَرَةَ ثُمَّ أَتَيْتُهَا بَعْدَ فَلَمْ أَغْرِفْهَا.

mereka. Terjemahan itu boleh juga difaham menggambarkan anak-anaknya yang masih terlalu kecil. Kerananya mereka belum pandai memasak walaupun kaki kambing yang begitu mudah dimasak.

⁶⁴⁹ Ibarat ini boleh juga diterjemahkan dengan "Aku bimbang mereka akan binasa pada musim kemarau ini". Perkataan dhabu' dipakai dalam bahasa kiasan mereka dengan erti kemarau. Pada musim kemarau biasanya banyaklah berlaku kematian, mayat-mayat bergelimpangan di sana sini, tiada pula orang yang dapat menguruskannya, ia terbiar dan tidak sempat dikebumikan, sehingga datanglah dhabu' untuk memakannya, atau melarikan mayat anak-anak kecil dengan menggonggongnya.

⁶⁵⁰ Saiyyidina 'Umar berkata begini kerana wanita itu dari kalangan Bani Ghifar. Banu Ghifar sememangnya mempunyai pertalian darah yang dekat dengan Quraisy. Silsilah nasab (keturunan) mereka bertemu pada Kinānah.

⁶⁵¹ Tidak dapat dipastikan dalam ghazwah (peperangan) manakah telah berlaku pengepungan yang disebutkan oleh 'Umar ini. Mungkin sekali ia berlaku dalam peperangan Khaibar, kerana peperangan Khaibar berlaku selepas peristiwa Hudaibiah dan berlaku juga pengepungan dalam ghazwah itu.

قَالَ مُحَمَّدٌ: ثُمَّ أُسِيَّتْهَا بَعْدُ.

4159 - Muhammad bin Rāfi` (an-Naisābūri al-Qusyairi) meriwayatkan kepadaku, katanya: Syabābah bin Sawwār Abu `Amar al-Fazāri meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah (bin al-Ĥajjāj) meriwayatkan kepada kami daripada Qatadah daripada Sa`id bin al-Musayyab daripada ayahnya (al-Musayyab bin Ĥazan bin Abi Wahab al-Makhzūmi), kata beliau: “Sesungguhnya aku telah melihat pokok (di mana telah berlakunya Bai`atur Ridhwān) itu. Kemudiannya aku datang kembali ke tempat itu, namun aku tidak dapat mengenalinya lagi.”

Kata Mahmud:⁶⁵² “Kemudiannya aku terlupa pokok itu (yang mana satu).”

٤١٦٠ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ عَنْ إِسْرَائِيلَ عَنْ طَارِقِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ انْطَلَقْتُ حَاجًّا فَمَرَرْتُ بِقَوْمٍ يُصَلُّونَ قُلْتُ مَا هَذَا الْمَسْجِدُ قَالُوا هَذِهِ الشَّجَرَةُ حَيْثُ بَايَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْعَةَ الرُّضْوَانِ فَأَتَيْتُ سَعِيدَ بْنِ الْمُسَيَّبِ فَأَخْبَرْتُهُ فَقَالَ سَعِيدٌ حَدَّثَنِي أَبِي أَنَّهُ كَانَ فِيْمَنْ بَايَعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ قَالَ فَلَمَّا خَرَجْنَا مِنَ الْعَامِ الْمُقْبِلِ نَسِينَاهَا فَلَمْ نَقْدِرْ عَلَيْهَا فَقَالَ سَعِيدٌ إِنَّ أَصْحَابَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَغْلُمُوهَا وَعَلِمْتُمُوهَا أَنْتُمْ فَأَنْتُمْ أَعْلَمُ

4160 - Mahmud (bin Ghailān, Abu Ahmad al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: `Ubaidullah (bin Musa al-`Abasi) meriwayatkan kepada kami daripada Isra`il (bin Yunus bin Abi Ishaq as-Sab`i) daripada Thariq bin `Abdir Rahman (al-Bajali al-Kufi), beliau berkata: “Aku berangkat untuk menunaikan ibadah haji, aku lalu di hadapan suatu kaum yang sedang melaksanakan shalat. Aku bertanya: “Masjid apa ini?”. Mereka menjawab: “Ini adalah pokok di mana Rasulullah s.a.w. membai`at para sahabatnya ketika Bai`atur Ridhwān”.<sup>653</sup> Kemudian aku menemui Sa`id bin al-Musayyab lalu aku ceritakan hal tadi. Sa`id terus berkata: Ayahku meriwayatkan kepadaku - dia adalah salah seorang

⁶⁵² Beliau ialah Mahmud bin Ghailān (Abu Ahmad al-Marwazi), guru Bukhari dan Muslim. Penghujung riwayatnya ialah “Kemudiannya aku terlupa pokok itu (yang mana satu).” Ia tidak seperti riwayat Muhammad bin Rāfi` yang berakhir dengan: “Setelah itu aku datang kembali ke tempat itu, namun aku tidak dapat mengenalinya lagi.”

⁶⁵³ Ada orang telah membuat tempat bershalat di bawahnya.

sahabat yang ikut berbai'at kepada Rasulullah s.a.w. di bawah pokok itu - katanya: "Kami keluar pada tahun berikutnya, namun kami lupa tentang kedudukan sebenar pokok tersebut dan kami tidak dapat menemukannya." Sa'id berkata: "Sesungguhnya para sahabat Muhammad s.a.w. tidak mengetahui kedudukan sebenar pokok tersebut, kamu pula menda'wa mengetahuinya, kalau begitu, kamulah yang lebih tahu (daripada mereka)!"

٤١٦١- حَدَّثَنَا مُوسَى حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ حَدَّثَنَا طَارِقٌ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ كَانَ مِمَّنْ بَايَعَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَرَجَعْنَا إِلَيْهَا الْعَامَ الْمُقْبِلَ فَعَمِيتْ عَلَيْنَا.

4161 - Musa (bin Isma'il at-Tabūdzaki) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu 'Awānah (al-Waddhāh al-Yasykuri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Thariq (bin 'Abdir Rahman al-Bajali al-Kufi) meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id bin al-Musayyab daripada ayahnya, - beliau termasuk sahabat yang ikut berbai'at di bawah pokok itu - (katanya), Kemudian kami keluar pada tahun berikutnya, namun kami tidak dapat memastikan lagi mana satu pokok berkenaan.

٤١٦٢- حَدَّثَنَا قَبِيصَةُ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ طَارِقٍ قَالَ ذُكِرَتْ عِنْدَ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ الشَّجَرَةُ فَضَحِكَ فَقَالَ أَخْبَرَنِي أَبِي وَكَانَ شَهِدَهَا

4162 - Qabīshah (bin 'Uqbah) meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan (ats-Tsauri) meriwayatkan kepada kami daripada Thariq, dia berkata: "Diceritakan kepada Sa'id bin al-Musayyab tentang pokok Bai'atur Ridhwān, beliau tertawa seraya berkata: Ayahku telah memberitahuku bahawa dia termasuk orang yang ikut serta dalam Bai'atur Ridhwān."⁶⁵⁴

⁶⁵⁴ Hadits ini dan beberapa hadits sebelumnya menunjukkan kebanyakan sahabat yang telah berbai'at kepada Nabi s.a.w. di bawah satu pokok di Hudaibiah, kemudiannya tidak dapat memastikan mana satu pokok berkenaan dan mereka tidak ingat lagi di mana tempatnya. Walaupun mereka telah berusaha dan cuba juga mencarinya, namun mereka tetap gagal menemuinya.

Para ulama menyebutkan bahawa antara hikmat Allah menyembunyikan pokok itu kepada mereka ialah untuk memelihara umat Islam kemudian daripada terjebak dalam pemujaan satu pokok yang dianggap suci. Orang-orang 'Arab jahiliah juga seperti